

## **Manifestasi Ta'awun NGO Islam dalam menyantuni golongan B40 di Sabah semasa pandemik covid-19**

### **ABSTRACT**

Manifestasi ta'awun (saling bertolongan) direalisasikan melalui aktiviti kesukarelawanan bagi memenuhi tanggungjawab sosial terhadap golongan B40. Aktiviti ini dijalankan oleh Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) Islam bagi menyantuni golongan B40 di Sabah semasa pandemik COVID-19. Artikel ini membincangkan aktiviti agihan sumbangan COVID-19 oleh NGO Islam dan faktor yang memotivasi NGO ini dalam menggerakkan aktiviti kesukarelawanan kepada golongan B40 di Sabah meliputi kawasan bandar dan luar bandar. Pengumpulan data menggunakan metode kualitatif melalui kaedah temu bual mendalam bersama pengurus dan wakil pemimpin NGO Islam terpilih, iaitu Pertubuhan Kebajikan An-Najiyah Sabah (PKAN) dan Aman Palestin Sabah (APS). Hasil kajian menunjukkan manifestasi ta'awun yang dipaparkan melalui bantuan NGO Islam ini bukan sekadar berfokus kepada bantuan kebendaan yang bersifat one-off mahupun berkala tetapi turut memberikan bantuan yang mampu mengubah mentaliti dan cara hidup golongan B40 ke arah cara hidup Islami. Semangat untuk terus berbakti ini didorong atas faktor kekuatan dalaman yang dibina berdasarkan ajaran Islam untuk sentiasa peduli terhadap ummah, berlumba-lumba melakukan kebaikan dan mendapatkan saham akhirat. Gerak kerja seperti inilah yang membezakan NGO Islam dengan NGO lain yang turut melaksanakan program sosial yang berorientasikan kebajikan. Impak kajian ini dapat menyumbang kepada pembangunan komuniti yang lebih luas di Sabah yang melibatkan inisiatif pemberdayaan golongan terpinggir.